

## **Konsep *rausyanfikir* dalam pemikiran Ali Syariati**

### **ABSTRAK**

Rausyanfikir merupakan salah satu konsep yang banyak sekali dibicarakan oleh Ali Syariati dalam hampir setiap karya dan kuliahnya. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan. Idea utama konsep rausyanfikir ialah suatu refleksi terhadap kaum intelektual, memperingatkan mereka terhadap peranan dan tanggungjawab seorang intelektual. Konsep ini boleh dilihat kepada tiga aspek iaitu intelektualisme, ideologi dan idealisme. Dalam aspek intelektualisme, kertas ini akan membincangkan perbezaan istilah 'intelektual' dan ulama yang digarap oleh beliau untuk memaknakan semula fungsi dan peranan intelektual. Ali Syariati juga berpandangan bahawa seorang rausyanfikir perlu mengembalikan semula semangat Islam menerusi kaedah hermeneutik terhadap pensyarahan ibadah, Al-Quran dan hadis. Selain itu, aspek terakhir dalam konsep rausyanfikir adalah dari segi idealisme. Idealisme seorang rausyanfikir dalam pemikiran beliau berkisar dengan 'manusia ideal' yang yakin dengan ilmu pengetahuan serta kemampuan dirinya dan ideal yang dicitakan oleh seseorang rausyanfikir untuk masyarakatnya. Kesimpulannya, konsep rausyanfikir yang wujud dalam pemikiran Ali Syariati banyak berkait rapat dengan penjelmaan diri seseorang intelektual yang cakna terhadap isu yang dihadapi oleh masyarakatnya, tanpa mengesampingkan ajaran Islam dalam kehidupannya. Artikel ini membicarakan tentang pemikiran Ali Syariati yang berkisarkan kepentingan intelektual dan berpengaruh dalam pembentukan minda belia sebelum Revolusi Iran 1979.